



PERMOHONAN MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Universiti Utara Malaysia.

1. (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PEPERIKSAAN) GRED N19**
(b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)

Jadual Gaji : **RM54.00 sehari**

Syarat Lantikan :

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **DAN**
- ii) **Kepujian Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Sambilan**

Fungsi Bidang Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

Khas

Membantu Ketua Pengawas dan Pengawas dalam pengendalian peperiksaan dan bertanggungjawab secara terus kepada Ketua Pengawas dan Pengawas dalam urusan pengendalian peperiksaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

Mulai 21 Mei 2017 hingga 04 Julai 2017.

Nota: Keutamaan diberikan kepada calon:

1. Tinggal berdekatan dengan kampus UUM (Sintok); **DAN**
2. **Lulus** dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia**; **DAN**
3. **Kepujian** dalam mata pelajaran **Matematik** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia**.

CARA MEMOHON

- i) Semua permohonan jawatan hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian (online) yang boleh dicapai melalui pautan laman sesawang <http://www.perjawatan.uum.edu.my/>
- ii) Pemohon perlu mendaftar sebelum mengisi maklumat yang diperlukan dalam sistem ini.
- iii) Tarikh tutup permohonan : **05 April 2017 (Rabu)**

CATATAN TAMBAHAN

- a. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga.
- b. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Utara Malaysia.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darul Aman

Tel : 04-928 3114/3113
Faks : 04-928 3120